

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 19/06/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional / 46
Tajuk : Sudut ASEAN promosi 100 produk koperasi terbaik

Sudut ASEAN promosi 100 produk koperasi terbaik

KUALA NERUS - Sudut ASEAN akan dibangunkan di ibu pejabat koperasi induk bagi setiap negara rantau ini termasuk di premis Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) di Petaling Jaya, Selangor.

Presiden Organisasi Koperasi ASEAN (ACO), Datuk Abdul Fatah Abdullah berkata, sudut itu akan mula beroperasi pada suku pertama tahun ini.

Ia bertujuan untuk merancakkan perdagangan produk koperasi di Asia Tenggara dan bakal menempatkan 100 produk terbaik seperti makanan, minuman, ubat-ubatan dan buah-buahan keluaran koperasi dari setiap negara.

"Inisiatif ini bertujuan untuk meluaskan pasaran

produk koperasi ke peringkat antarabangsa secara bersepadu bermula dengan merentas antara negara-negara di rantau Asia Tenggara terlebih dahulu.

"Pasaran Asia Tenggara sangat berpotensi kerana mempunyai 250,000 koperasi dengan keahlian 64 juta orang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis Aidilfitri Angkasa Terengganu di Gong Badak di sini semalam.

Abdul Fatah yang juga Presiden Angkasa menjelaskan, ACO menyasar untuk memperluaskan inisiatif meningkatkan perdagangan produk-produk koperasi ASEAN tersebut ke peringkat Asia Pasifik dan seterusnya global menjelang tahun 2025.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA